

# Untuk menjamin negara selamat

# PENGETAHUAN DEMOKRASI PENTING — PM

**K**UALA LUMPUR 19 Nov. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan bahawa pengetahuan mengenai demokrasi, kekuatan dan kelemahannya adalah penting untuk menjamin negara ini selamat.

Perdana Menteri berkata kepercayaan kepada sistem demokrasi memang baik tetapi tanpa pengetahuan tentang kegunaannya, demokrasi tidak akan menjamin kesejahteraan negara.

“Ramai yang berpendapat bahawa demokrasi akan membawa kebahagiaan kepada negara jika diamalkan sepenuhnya. Apa yang kurang difahami ialah demokrasi juga boleh meruntuhkan negara jika tidak diamalkan dengan bijak dan bertanggungjawab,” tegasnya.

Berucap di majlis Malam Wartawan Malaysia 1988 di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra di sini beliau meminta pihak akhbar supaya memainkan peranan meningkatkan pengetahuan mengenai politik khususnya sistem demokrasi yang diamal-

kan di negara ini.

“Pihak akhbar harus memainkan peranan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai demokrasi, kekuatan dan kelemahannya dengan ini kita akan lebih selamat,” katanya.

Serentak dengan itu Datuk Sri Dr. Mahathir menggesa para wartawan bersikap bertanggungjawab, patriotik dan mengawal diri dalam membuat laporan walaupun ia akan menjejaskan sedikit kelarisan penjualan akhbar masing-masing.

Beliau menegaskan sikap ini adalah perlu dalam menghadapi dilema jika kebebasan media yang ekstrim dibenarkan dan jika tindakan diambil untuk menyekatnya.

“Dilema kita ialah jika kita membenarkan kebebasan yang ekstrim dalam media, kesejahteraan masyarakat akan terancam dan kemajuan negara akan terganggu. Sebaliknya jika kita mengambil tindakan untuk menyekat kita akan dituduh sebagai tidak demokratik,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, bagi Malaysia perkara yang utama ialah kestabilan politik atau lebih tepat lagi persepsi rakyat serta orang asing terhadap kestabilan ini.

Beliau berkata kerajaan sekarang tidaklah sebebaskan seperti dahulu di waktu rakyat tidak begitu sofistikated.

“Sekarang rakyat tahu menggunakan undang-undang dan kerajaan dengan mudah boleh disekat kerana kesilapan prosedur atau sebab-sebab lain. Lagi pula kerajaan tidak mahu dituduh tidak demokratik dan menyekat kebebasan akhbar,” katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata tiada siapa-pun boleh menafikan peranan penting yang boleh dimainkan oleh media massa dalam pembangunan Malaysia.

“Jika diakui bahawa kebebasan akhbar menjadi sebahagian dari demokrasi, tetapi kebebasan

**LIHAT MUKA 11**

# Pengetahuan demokrasi penting — PM

20 NOV 1988

an secara menyeluruh membawa keburukan. Kita perlu menentukan apakah yang patut mempengaruhi kerajaan, wartawan dan masyarakat mengenai peranan media massa dalam negara kita ini," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau yakin tiada siapapun dalam negara ini yang dengan sengaja mahu menghalang pembangunan dan kemajuan.

Masalahnya, tambah beliau, ialah kadang-kadang terdapat konflik antara kepentingan negara dan kepentingan kumpulan serta kepentingan individu.

"Oleh kerana ini, kita kadang-kadang tidak jelas tentang pendirian yang perlu diambil oleh masing-masing walaupun kita percaya dan mengetahui tindakan yang mesti diambil oleh pihak lain," katanya.

Dalam hal ini beliau memberi contoh mengenai ramai anggota masyarakat yang mengancam akhbar yang sengaja membesar-besarkan masalah yang kecil umpamanya tentang per-

kembangan politik.

"Tetapi di masa yang sama masyarakat lebih suka akhbar-akhbar yang sensasional ini dan menyebabkan penjualannya laris.

"Di masa yang sama juga pembaca memuji sikap sederhana dan berita yang tepat dibuat oleh akhbar-akhbar yang bertanggungjawab tetapi mereka tidak begitu berminat membacanya. Ramai juga daripada anggota masyarakat yang menyoal mengapa kerajaan tidak bertindak," katanya.

Perdana Menteri mengakui kebebasan media merupakan salah satu aspek yang penting untuk mempertahankan demokrasi.

Menurutnya, tanpa kritikan dan teguran daripada media yang bebas, tanpa maklum balas berkenaan dengan pemiikiran dan reaksi masyarakat, besar kemungkinan kerajaan dan anggotanya akan tersilap jalan, menyeleweng dan melakukan perbuatan yang tidak baik.

Sebagai perbandingan, beliau menyebut mengenai ada negara di mana media massa diletakkan-

terus di bawah kuasa kerajaan sehingga media tidak dapat menilai dengan baik dan adil tindakan dan dasar kerajaan.

Katanya, semua yang dibuat oleh kerajaan dikatakan baik dan dipuji hingga kerajaan tersilap jalan dan sesat tanpa disadari.

"Negara komunis sesat 70 tahun sebelum mereka mengetahui mereka sesat," ujarnya.

Dalam pada itu beliau memberi contoh tentang keburukan yang timbul akibat kebebasan penuh media seperti yang diamalkan di beberapa negara yang "mengejar sasaran mereka hingga ke lubang cacing."

Katanya, segala-galanya didedahkan, keaib-an, keganasan, gambar lucah disiarkan hingga kepada kanak-kanak dan bahasa kotor tidak lagi disembunyikan.

"Pendek kata kebebasan akhbar yang ekstrim membawa kesan yang tidak banyak beza daripada kongkongan oleh kerajaan," katanya.

Beliau menambah: "Jika diakui bahawa kedua-dua contoh ek-

strim ini adalah tidak baik dan mempunyai kesan yang buruk kepada masyarakat dan negara, soal yang timbul apakah had kebebasan dan kongkongan ke atas media yang baik untuk masyarakat.

"Soal ini perlu dijawab melainkan kita mempunyai falsafah, kebebasan semata-mata untuk kebebasan dan bukannya kebebasan untuk kebaikan."

Perdana Menteri berkata, tujuan beliau membangkitkan perkara-perkara berkenaan di majlis ini bukanlah kerana bercita-cita untuk menghapuskan kebebasan media massa atau menghapuskan demokrasi.

"Ada pihak yang membuat tuduhan seperti ini bila saya menyebut mengenai sesuatu. Demokrasi berjaya diamalkan di negara ini kebebasan akhbar wujud di negara kita.

"Tetapi kita harus sedar tentang berbagai kemungkinan dengan adanya kesedaran ini, saya percaya kita akan lebih bertanggungjawab untuk menegakkan demokrasi di Malaysia," katanya.